



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

TIPUAN BIDA

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



Apakah yang dimaksudkan dengan Tipuan Bida?

Tipuan bida merupakan perjanjian (bertulis atau lisan) antara pembida yang boleh menghalang atau menyekat persaingan dalam aktiviti tender. Tipuan bida boleh berlaku apabila dua atau lebih pembida di dalam sesuatu bidaan (tender) berpakat bagi menentukan pemenang bidaan tersebut.

Apakah jenis tipuan bida?

Terdapat 5 jenis tipuan bida iaitu :

- 1 Bidaan yang menindas
- 2 Bidaan secara giliran
- 3 Penarikan balik bida
- 4 Bida terselindung
- 5 Bida tidak mematuhi



Apakah petunjuk tipuan bida?

Selalunya petunjuk ini akan kelihatan semasa pembida mengemukakan dokumen bidaan:

- Tingkah laku pembida-pembida semasa proses bidaan berlangsung.
- Terdapat persamaan dokumen bidaan.
- Terdapat kesilapan yang diluar kebiasaan.

Bagaimana untuk mengesan tipuan bida?

Tingkah laku pembida yang tersenarai di atas tidak semestinya menunjukkan kewujudan tipuan bida. Walau bagaimanapun, pegawai perolehan hendaklah berwaspada dengan situasi di bawah, antaranya :-

- 
- Dokumen bidaan mengandungi persamaan kesilapan dari segi ejaan, kiraan, tulisan tangan atau bertaip;
 - Terdapat perubahan fizikal (contohnya pembetulan harga, spesifikasi, dan penyerahan dokumen yang tidak lengkap) pada dokumen dan perubahan tersebut dibuat di saat akhir;
 - Pembida menyerahkan dokumen bidaan untuk dirinya dan juga pesaing-pesaingnya pada masa yang sama;
 - Pembida-pembida berpakat membida di dalam bidaan yang sama sedangkan mereka tidak layak/mampu untuk melaksanakan kontrak;
 - Pembida mengetahui maklumat sulit bidaan pesaing-pesaingnya walhal hanya pegawai perolehan sahaja yang mempunyai akses kepada maklumat tersebut; dan
 - Bagi tender yang berfasa, keputusan menunjukkan pembida yang terlibat dalam semua fasa bergilir-gilir berjaya dalam setiap fasa.



Bagaimanakah cara bagi mengurangkan risiko tipuan bida?

Antara cara yang boleh dilakukan bagi mengurangkan risiko tipuan bida adalah:

Tahu dengan jelas produk atau perkhidmatan yang dikehendaki sebelum tender dibuka kepada pembida;



Kumpul seberapa banyak maklumat yang mungkin, berkenaan pembida berpotensi, produk mereka, dan harga serta kos mereka. Maklumat berkenaan tender terdahulu untuk produk yang sama atau serupa juga perlu dicatat;



Rangka proses tender dengan memanggil pembida berpotensi dan boleh dipercayai pada jumlah yang cukup. Jangan mengenakan kekangan yang tidak sepatutnya;



Elakkan daripada memecah kecil perolehan tender pada jumlah yang sama dengan jumlah syarikat yang dijangka membida dalam tender tersebut;



Sekiranya perlu untuk berjumpa dengan syarikat-syarikat, berjumpalah secara individu;



Bandingkan tender daripada prosedur tender terdahulu dengan tender terkini dan dengan tender yang dilakukan di kawasan geografi yang terdekat;




Perbandingan harga belian barangan dan perkhidmatan yang sama mesti dibuat dari masa ke semasa; dan



Memasukkan klausa di dalam kontrak bahawa tipuan bida adalah satu larangan di bawah Akta ini.





Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada tipuan bida?

1

Jumlah bilangan syarikat yang kecil dan terhad.

3

Keadaan pasaran yang tidak menentu.

2

Halangan kemasukan dalam pasaran.

4

Kurangnya kesedaran di kalangan pemain industri tentang tipuan bida.

Apakah yang boleh dilakukan oleh pegawai perolehan sekiranya terdapat tipuan bida berlaku di firma?



Elakkan perbincangan dengan pihak pembida.



Simpan semua dokumen di tempat yang selamat.



Ingat dan catat sebarang tingkah laku yang mencurigakan.



Hubungi MyCC bagi mendapatkan bantuan.



Apakah yang boleh dilakukan oleh pegawai perolehan untuk mengurangkan risiko tipuan bida?

01	Mengambil maklum sebelum membentuk proses tender;
02	Membentuk proses tender bagi memaksimumkan potensi penyertaan pembida yang benar-benar bersaing;
03	Tentukan syarat anda dengan jelas dan elakkan jangkaan;
04	Membentuk proses tender yang mengurangkan komunikasi antara pembida dengan efektif;
05	Memilih kriteria anda untuk penilaian dan pemberian tender secara teliti; dan
06	Tingkatkan kesedaran di kalangan kakitangan anda tentang risiko tipuan bida dalam perolehan

Adakah perolehan melalui rundingan terus menjadi satu pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010?

Perolehan secara rundingan terus tidak menjadi satu pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010 kerana prosedur ini adalah mengikut pekeliling dan arahan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan.



Bagaimanakah cara untuk melaporkan jika mengesyaki berlakunya tipuan bida?

Kami menggalakkan anda menghubungi kami di MyCC jika anda mempunyai sebarang soalan atau mengesyaki perkara yang tidak kena dalam sesuatu prosedur tender. Anda mempunyai hak untuk nama anda tidak diketahui jika anda memberikan maklumat kepada kami. Pemanggil tanpa nama juga boleh menggunakan saluran yang sama. Apabila mana-mana pihak mengesyaki perkara yang tidak kena dalam sesuatu prosedur tender, seseorang itu bolehlah membuat aduan dengan:

1

BORANG
E-ADUAN

MENGISI BORANG E-ADUAN

Mengisi borang
e-aduan di laman sesawang
www.myc.gov.my/e-complaint;

E-MEL

E-mel maklumat aduan
kepada
complaints@mycc.gov.my

2

E-MEL

3

FAKS

FAKS

Faks aduan ke nombor
+603-2272 2293
+603-2272 1692

HUBUNGI MyCC

Hubungi MyCC di talian
+603-2273 2277

4

HUBUNGI
MyCC

5

HADIR KE
PEJABAT MyCC

HADIR KE PEJABAT MyCC

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
(MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

enquiries@mycc.gov.my
www.mycc.gov.my

+ 603 2273 2277
+ 603 2272 1692



@themycc